

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1987/88

RGW 121 - Sains Alam Sekitar

Tarikh: 4 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan.

1. Apakah agen-agen yang mengakibatkan hakisan tanah?  
Terangkan jenis hakisan yang berlaku. Bincangkan kaedah-kaedah untuk mengawal hakisan tanah dan endapan.  

( 20 markah )
  
2. Terangkan kesan ke atas manusia dan persekitaran akibat dari aktiviti-aktiviti yang berikut:-
  - a) kegunaan aerosol yang terlampau
  - b) pembalakan hutan hujan tropika
  - c) kegunaan baja yang terlampau
  - d) pengairan dan pembinaan empangan
  - e) pembakaran bahan api fosil yang terlampau.

( 20 markah )
  
3. Apakah bahan api fosil? Huraikan keadaan bahan api fosil berkaitan dengan kegunaan sekarang dan simpanan di masa hadapan sebagai sumber tenaga. Bincangkan sumber-sumber tenaga lain yang boleh diharapkan.  

( 20 markah )

4. Apakah punca-punca utama yang menyumbang kepada polutan-polutan udara di Malaysia? Terangkan keadaan pencemaran udara ini. Apakah kaedah-kaedah untuk mengawalinya?

( 20 markah )

5. Tulis nota-nota:-

- a) Isitanah Sanitari (sanitary landfill).
- b) Pelakuran Nuklear (Nuclear Fusion) + Pemecahbelahan Nuklear (Nuclear Fission).
- c) Bagaimanakah pencemaran udara menjejaskan iklim dunia?
- d) Kitar Hidrologis.
- e) Sumber galian logam dan simpanannya.

( 20 markah )

6. Bincangkan apakah punca dan jenis bahan pencemar air di Malaysia.

Dengan bantuan lakaran, huraikan Loji Pengolahan Primer dan Sekunder.

Terangkan secara ringkas ujian-ujian piawaian untuk menyukat kualiti air.

( 20 markah )